

RABU
1 JULAI 2015

Harian Metro

Harian metro

1/7/2015

m/s 24



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Virus musnah integriti perkhidmatan awam

Isu kebocoran rahsia, maklumat dan dokumen penting kerajaan terus menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat, terutama di media sosial. Malah, baru-baru ini dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MAPPA XIV) Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sendiri menyuarakan hal ini. Beliau dalam majlis ini secara terbuka memberi nasihat, peringatan, sekali gus meminta semua penjawat awam untuk menjaga dan memelihara semua rahsia kerajaan yang diamanahkan kepada mereka.

Ikrar taat setia

Secara umumnya semua penjawat awam ketika dilantik dan lapor diri diwajibkan untuk mengangkat sumpah di hadapan ketua jabatan masing-masing untuk menjaga dan memelihara segala rahsia kerajaan yang bakal mereka ketahui kelak. Antara ikrar yang dilafazkan ketika itu ialah segala maklumat rasmi yang diperolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana kerajaan dalam Malaysia, adalah milik kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan rasmi, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan.

Lafaz ikrar serta taat setia ini sebenarnya tertakluk dan mengikat penjawat awam di bawah beberapa peraturan seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan Kerajaan, Surat Pekeliling Am serta Pekeliling Perkhidmatan yang membolehkan mana-mana pegawai awam yang membocorkan rahsia dan dokumen boleh dicaj di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) yang boleh menyebabkan penjawat awam dikenakan tindakan tata-tertib dengan hukuman sehingga boleh dibuang kerja.

Namun, hakikatnya masih ada yang begitu mudah lupa ikrar dan sumpah itu serta mengambil risiko sehingga sanggup membocorkan pelbagai rahsia kerajaan kepada pihak yang tidak berke-

penting ataupun digunakan untuk paparan umum tanpa kebenaran. Antara isu yang sering kita dengar ialah kebocoran maklumat berhubung kenaikan harga minyak dan kadar tol.

Sudah terlalu kerap kita dapat lihat betapa maklumat mengenai kenaikan harga minyak mahupun kadar tol ini disebarikan sebelum kerajaan membuat keputusan mahupun mengumumkannya secara rasmi. Keadaan lebih kritikal dengan adanya kemudahan media sosial seperti Facebook dan Twitter yang menjadi medium hebat dan komunikasi utama dan cukup signifikan.

Semua maklumat yang disebarikan dalam media sosial seperti ini sepantas kilat dikongsi dan disebarikan pula secara viral oleh semua pengguna media sosial yang lain walaupun maklumat itu belum tentu kesahihannya.

Nilai murni jadi benteng

Dalam konteks ini, apa yang dikesali nilai integriti dalam kalangan penjawat awam seperti ini. Kita akui majoriti penjawat awam kita cukup tinggi nilai integritinya tetapi anasir kecil seperti ini yang boleh dikatakan berlagak seperti 'little napoleon' dilihat terus menjadi kuman dan virus yang menghantui perkhidmatan awam negara kita. Akibat daripada tindak-tanduk segelintir penjawat awam ini nama baik dan imej perkhidmatan awam dan keseluruhan penjawat awam sudah mula terjejas.

Jelas dalam hal ini masih ada segelintir penjawat awam gagal menghayati nilai integriti yang selama ini menjadi teras perkhidmatan awam di negara kita. Nilai murni yang menjadi benteng integriti seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana sewajarnya menjadi pegangan dan amalan setiap individu penjawat awam. Kegagalan kita menghayati nilai murni ini akan mengundang pelbagai masalah besar kepada masyarakat dan negara kerana penjawat awam dan perkhidmatan awam adalah tunjang dan tonggak utama pentadbiran sesebuah kerajaan. Maka tidak adil apabila ada penjawat awam yang sanggup membelot dan mencahuli kepercayaan yang diberikan kepada mereka.

Penulis melihat isu ini timbul berpunca daripada sikap individu penjawat awam itu sendiri. Kita tidak wajar menyalahkan jabatan mahupun ketua jabatan terbabit kerana

mereka berhak memberi kepercayaan kepada anak buah masing-masing. Justeru, ia lebih kepada membabitkan tingkah laku dan sikap individu terbabit. Realitinya sikap dan tingkah laku tidak boleh diubah mahupun berubah dalam sekelip mata. Walaupun pelbagai kempen mahupun kursus diadakan, andai seseorang itu tidak mahu berubah maka amat sukar untuk kita melihat hasil yang positif.

Musuh dalam selimut

Semua penjawat awam perlu sedar betapa kebocoran maklumat dan rahsia kerajaan mempunyai implikasi cukup besar dan sangat signifikan kepada kepentingan rakyat dan negara. Misalnya cuba kita bayangkan apa akan terjadi kepada negara kita andai rahsia ketenteraan dan keselamatan negara dibocorkan dan jatuh ke tangan musuh. Sudah semestinya keselamatan negara dan nyawa rakyat terancam dan berada dalam bahaya.

Kita tidak mahu musuh dalam selimut seperti ini terus menjadi virus yang boleh menghancurkan negara dan masyarakat. Penjawat awam perlu disedarkan keperluan untuk menghayati ikrar yang dilafazkan serta keperluan menjagakan integriti sebagai perisai dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Hal ini penting kerana semua penjawat awam sudah mengangkat sumpah dan melafazkan ikrar kerana ia satu kewajipan ketika melapor diri untuk bertugas tetapi berapa ramai yang berpegang teguh kepada integriti untuk menghayati ikrar itu? Persoalan ini perlu dirungkai dan diatasi dengan segera sebelum lebih banyak lagi maklumat dan rahsia kerajaan dibocorkan secara berterusan.

Untuk itu, ketua jabatan dan pegawai penyelia perlu sentiasa memantau gerak-geri dan tingkah laku anak buah masing-masing. Jangan sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat penting kepada anak buah yang tidak berkepentingan ataupun diragui status integritinya. Di samping itu, ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan yang sewajarnya jika didapati ada pegawai yang terbabit dalam aktiviti tidak berintegriti seperti ini.

Tindakan tegas perlu diambil bagi menunjukkan betapa sikap sebegini tidak boleh diterima mahupun dikompromi di samping menjadi pengajaran dan teladan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM